



UniMAP Cemerlang di ITEX 2009

Penyertaan Universiti Malaysia Perlis di dalam Pameran 20th International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition 2009 atau ITEX merupakan penyertaan kali ke 5 yang disertai oleh UniMAP. Sebanyak 610 produk penyelidikan dari 9 negara dipertandingkan pada pertandingan tahun ini. Selain Malaysia, 8 buah lagi negara luar yang turut serta adalah dari Iran, Taiwan, Hong Kong, Korea, Croatia dan Australia.



Sasaran UniMAP bagi penyertaan kali ini adalah sekurang-kurangnya 70% dari bilangan penyertaan harus memenangi sebarang pingat. Namun berkat kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh para penyelidik, UniMAP telah berjaya memperolehi 92% melalui pungutan pingat. Ia merangkumi 9 emas, 17 perak dan 9 gangsa. Kejayaan manis ini diteruskan lagi dengan memenangi Anugerah Pingat Emas untuk Rekaan Booth Terbaik bagi kategori booth 54 kaki persegi dan keatas.



Pada tahun ini, UniMAP telah menghantar sebanyak 39 produk penyelidikan yang merupakan penyertaan kedua tertinggi dari segi bilangan selepas Universiti Kebangsaan Malaysia. Delegasi penyelidik UniMAP di ITEX 2009 berasa amat bertuah setelah diberi sokongan penuh dari pihak pengurusan universiti di mana Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor yang ditemani oleh Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (P&I) telah hadir ke tapak pameran untuk memberi semangat kepada para penyelidik yang bertanding.



Secara keseluruhannya delegasi UniMAP telah menunjukkan prestasi yang sangat baik pada penyertaan ITEX kali ini. Syabas diucapkan kepada para penyelidik yang telah mengharumkan nama UniMAP di pertandingan ini. Semoga ia akan dijadikan sebagai pembakar semangat kepada para pensyarah yang lain untuk lebih giat di dalam bidang penyelidikan dan inovasi untuk masa hadapan.



Oleh : Muhammad Najib Othman (najib@unimap.edu.my)